



Persatuan Ping Pong Malaysia Table Tennis Association of Malaysia

馬來西亞乒乓球總會

No. 11-23, 1st Floor, Jalan Jalil Perkasa 15, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: (603) 8996 1497

PJS Reg. No. K-KUL-00076

E-mail: ttamalaysia@gmail.com

Website: www.ttam.com.my

KEJOHANAN PING PONG REMAJA & KADET MALAYSIA MILO KALI KE-40, TAHUN 2022

The 40th MILO Malaysia Junior and Cadet Table Tennis Championships 2022

PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN

1. Nama Kejohanan : Kejohanan Ping Pong Remaja dan Kadet Malaysia Kali Ke-40 2022
2. Tarikh Kejohanan : 18 – 22 Disember 2022
3. Tempat Kejohanan : Indoor Sports Arena, OCM, Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur.
4. Tujuan :
 - 4.1 Mencungkil bakat baru dan mempertingkatkan lagi mutu sukan ping pong.
 - 4.2 Menyediakan pemain-pemain pelapis negara
 - 4.3 Memperluaskan serta menggalakkan penyertaan dalam sukan ping pong daripada pemain-pemain berbilang kaum.
5. Syarat Pertandingan :
 - 5.1 Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Kejohanan ini.
 - 5.2 Kejohanan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang ITTF yang terkini.
6. Acara:
 - 6.1 Setiap negeri/wilayah dibenarkan menyertai semua acara mengikut had penyertaan berikut:

<u>Acara</u>	<u>Setiap Negeri</u>
6.1.1 Berpasukan lelaki berumur 19 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.1.2 Berpasukan perempuan berumur 19 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.1.3 Berpasukan lelaki berumur 15 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.1.4 Berpasukan perempuan berumur 15 tahun dan ke bawah	1 pasukan
6.1.5 Perseorangan lelaki berumur 19 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.1.6 Perseorangan perempuan berumur 19 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.1.7 Perseorangan Lelaki berumur 15 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.1.8 Perseorangan Perempuan berumur 15 tahun dan ke bawah	5 peserta
6.1.9 Beregu Lelaki berumur 19 tahun dan ke bawah	2 pasangan
6.1.10 Beregu Perempuan berumur 19 tahun dan ke bawah	2 pasangan
6.1.11 Beregu Lelaki berumur 15 tahun dan ke bawah	2 pasangan
6.1.12 Beregu Perempuan berumur 15 tahun dan ke bawah	2 pasangan
7. Pendaftaran Pemain:
 - 7.1 Warganegara Malaysia dan Pemastautin tetap sahaja dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.
 - 7.2 Seseorang pemain hanya boleh mewakili satu negeri/wilayah sahaja
 - 7.3 Tarikh lahir adalah seperti berikut:
 - 7.3.1 Umur 19 tahun dan ke bawah – bagi pemain yang dilahirkan pada atau selepas 1 Januari 2003.
 - 7.3.2 Umur 15 tahun dan ke bawah – bagi pemain yang dilahirkan pada atau selepas 1 Januari 2007.

- 7.4 Tarikh lahir yang sah bagi pemain adalah mengikut Kad Pengenalan. Satu salinan fotostat Kad Pengenalan yang disahkan oleh persatuan negeri hendaklah dihantar bersama dengan Borang Penyertaan kepada negeri pengelola.
- 7.5 Pemain-pemain dikehendaki membawa Kad Pengenalan masing-masing untuk disemak oleh negeri pengelola.
- 7.6 Seorang pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam satu kumpulan umur sahaja untuk setiap Kategori Acara iaitu Kategori Acara Berpasukan dan Kategori Acara Individu (acara perseorangan dan acara Beregu).

❖ *Setiap negeri boleh mendaftarkan **TUJUH (7)** orang pemain termasuk 2 orang pemain simpanan untuk dihantarkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum tarikh tutup. **LIMA** orang pemain sahaja kemudian akan dikenalpasti dalam Mesyuarat Pengurus untuk bertanding dalam Acara Berpasukan. Peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam acara individu hendaklah terdiri daripada 7 orang pemain yang didaftarkan.*

❖ *Selepas tarikh tutup pendaftaran (15 November 2022), senarai pemain akan dipaparkan dalam website TTAM, sebarang bantahan terhadap kelayakan seseorang pemain, jika ada, hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Teknikal TTAM **DALAM TEMPOH MASA SATU MINGGU (21 November 2022)** dari tarikh pemaparan untuk semakan dan penentuan.*

8. Cara Pertandingan:

8.1 Acara Berpasukan:

- 8.1.1 Mengikut Sistem Baru Piala Swaythling (A – X; B – Y; C – Z; A – Y; B – X)
- 8.1.2 Jika terdapat 12 atau lebih pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 4 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
- 8.1.3 Jika terdapat 9 hingga 11 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 3 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
- 8.1.4 Jika terdapat 6 hingga 8 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 2 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan terbaik daripada setiap kumpulan akan layak bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
- 8.1.5 Jika terdapat 4 hingga 5 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan bertanding dalam satu kumpulan di mana sistem liga akan digunakan.
- 8.1.6 Jika terdapat kurang daripada 4 pasukan yang akan bertanding, acara tersebut akan dibatalkan.
- 8.1.7 Setiap perlawanan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games)

8.2 Acara Individu:

- 8.2.1 Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 8.2.2 Bagi pertandingan Beregu, semua perlawanan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games)
- 8.2.3 Bagi pertandingan perseorangan, perlawanan dari pusingan pertama hingga pusingan suku akhir akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games). Perlawanan di peringkat separuh akhir akan diputuskan dengan 4 permainan terbaik daripada 7 permainan (Best of 7 games).
- 8.2.4 Jika terdapat kurang daripada 8 orang peserta / 8 pasangan Beregu yang akan bertanding, acara tersebut akan dibatalkan.

9. Bola:

- 9.1 Bola Ping Pong 40+ Nittaku 3-Bintang berwarna putih akan digunakan dalam kejohanan ini.

10. Hadiah:

- 10.1 Bagi Acara Berpasukan dan Acara Individu, hadiah akan diberi kepada pemenang Johan, Naib Johan dan 2 Tempat Ketiga.
- 10.2 Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall Champion) ditentukan mengikut Sistem Permarkahan yang ditetapkan oleh Persatuan Ping Pong Malaysia seperti berikut:

Kedudukan	Acara Berpasukan	Acara Individu
Johan	10 markah	5 markah
Naib Johan	7 markah	3 markah
Tempat Ke-3	4 markah	1 markah

- 10.3 Pihak negeri penganjur adalah bertanggungjawab untuk membekalkan satu trophi untuk Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall Champion).

11. Hospitaliti:

- 11.1. Setiap pasukan negeri/wilayah akan bertanggungjawab atas perbelanjaan penginapan pasukan negeri/wilayah masing-masing. Pihak negeri pengelola akan membantu negeri/wilayah untuk membuat tempahan tempat penginapan jika perlu.
- 11.2. Negeri pengelola akan bertanggungjawab menyediakan penginapan yang sesuai untuk pengadil-pengadil dari negeri-negeri lain. (maksimum 2 orang setiap bilik dengan katil berkembar (twin sharing)).
- 11.3. Hospitaliti untuk pengadil: dari makan malam satu hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.
- 11.4. Sarapan pagi: jika tidak terdapat dalam jarak berjalan kaki dari penginapan, pihak pengajur mesti menyediakan.
- 11.5. Negeri pengelola akan bertanggungjawab menyediakan penginapan di hotel untuk Pegawai TTAM, Delegat Teknikal, ahli-ahli Jawatankuasa Teknik, Pengadil & Referi (TURC) TTAM.

12. Bayaran Penyertaan:

- 12.1 Acara Berpasukan : RM 50.00 setiap pasukan
- 12.2 Acara Perseorangan: RM 20.00 setiap peserta
- 12.3 Acara Beregu : RM 30.00 setiap pasangan

13. Cara Penyertaan:

- 13.1 Semua negeri yang ingin menyertai kejohanan ini dikehendaki mengembalikan Borang Penyertaan/Pendaftaran (Borang A, B, C, D, E, F) yang dikepulkan ini melalui email sahaja pada atau sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan dalam peraturan 14.

Setiausaha Executive
Persatuan Ping pong Malaysia
No. 11-23-1, Jalan Jalil Perkasa 15, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
Email: ttammalaysia@gmail.com
H/P: 019-2685867

- 13.2 Satu salinan Borang Penyertaan/Pendaftaran Pemain hendaklah dihantar kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal
Persatuan Ping Pong Malaysia
No. 11-23-1, Jalan Jalil Perkasa 15
Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
Tel: +603-8996 1497 Fax: +603-8999 1491
E-mail : ttammalaysia@gmail.com

14. Tarikh Tutup Penyertaan:

- 14.1 Tarikh tutup Penyertaan (**Borang A**) adalah pada **1.11.2022**
- 14.2 Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk **pasukan (Borang B)** adalah pada **8.11.2022**
- 14.3 Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk **Acara Individu (Borang C dan D)** dan **Borang Maklumat (Borang E dan F)** adalah pada **15.11.2022**

- 14.4 **Tarikh akhir Pengesahan** pemain untuk Acara Individu adalah pada **22.11.2022**. Selepas tarikh ini, sebarang pertukaran untuk acara Individu akan dikenakan bayaran denda seperti ternyata di Peraturan 15.11.2022.
- 14.5 Borang-borang Penyertaan/Pendaftaran yang diterima lewat daripada tarikh-tarikh tersebut TIDAK akan dilayan. **(Merujuk Keputusan Mesyuarat Exco TTAM pada 3 Ogos 2013).**

15. Cabutan Undi:

- 15.1 **Cabutan undi bagi Acara Berpasukan** akan diadakan pada **26.11.2022 (Sabtu)** jam 11.00 pagi di Bilik Mesyuarat, Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 15.2 Jika Borang Pendaftaran (Borang B) tidak diterima pada atau sebelum **8.11.2022** maka negeri berkenaan tidak akan diundi **masuk** untuk pertandingan.
- 15.3 Cabutan undi bagi Acara Berpasukan akan dikendalikan oleh Referi atau wakilnya. Negeri penganjur adalah bertanggungjawab atas segala perbelanjaan pengangkutan, penginapan serta elaun makan untuk Referi atau wakilnya.
- 15.4 Cabutan undi bagi Acara Individu akan diadakan selepas Mesyuarat Pengurus Pasukan. Masa dan tempat akan diberitahu kemudian.

Commented [R1]:

16. Pertukaran Pemain:

- 16.1 Untuk acara berpasukan, pemindahan pemain dari satu kumpulan umur kepada kumpulan umur lain TIDAK dibenarkan selepas cabutan undi diadakan.
- 16.2 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum kejohanan dimulakan untuk menguruskan hal-hal pertukaran pemain. Selepas mesyuarat tersebut, sebarang permintaan pertukaran pemain TIDAK akan dilayan.
- 16.3 Pertukaran pemain untuk semua acara adalah dibenarkan dan penggantinya hendaklah daripada pemain-pemain yang telah didaftarkan sahaja.
- 16.4 **Pemain-pemain yang telah didaftar hanya boleh diganti atas sebab-sebab yang munasabah beserta dengan dokumen yang sah. (Contohnya: sijil pengesahan doktor / surat tolakan cuti oleh majikan).**
- 16.5 Pertukaran pemain untuk **Acara Perseorangan** adalah dibenarkan dengan **bayaran denda** seperti berikut:
- 16.5.1 Pertukaran pemain yang pertama dalam Acara Perseorangan akan dikenakan bayaran denda RM50.00 dan pertukaran pemain yang kedua akan dikenakan bayaran denda RM100.00.
- 16.6 Pertukaran pemain atau pasangan untuk **Acara Beregu** adalah dibenarkan dan dikenakan bayaran denda seperti berikut:
- 16.6.1 Pertukaran pemain atau pasangan yang pertama dalam Acara Beregu akan dikenakan bayaran denda RM100.00 dan pertukaran yang kedua akan dikenakan bayaran denda RM150.00. Pemindahan pemain antara 2 pasangan asal adalah dianggap sebagai satu pertukaran sahaja.
- 16.7 Penambahan pemain dalam semua acara selepas tarikh tutup pendaftaran pemain (15 November 2022) TIDAK akan dibenarkan.

17. Jawatankuasa Teknikal / Juri Rayuan:

- 17.1. Delegasi Teknikal akan dilantik oleh Persatuan Ping Pong Malaysia untuk mengawal segala pengurusan dan susunan teknikal.
- 17.2. Ahli-ahli Juri Rayuan akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan ini.
- 17.3. Juri Rayuan akan terdiri daripada ahli-ahli berikut:
- 17.3.1. Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya,
- 17.3.2. Setiausaha : Setiausaha Kehormat Negeri Pengelola atau wakilnya,
- 17.3.3. Ahli-Ahli : Referi Kejohanan,
: Delegasi Teknikal TTAM,
: Wakil dari 3 buah negeri yang tidak terlibat.

18. Menarik Diri:

- 18.1. Pasukan/Pemain yang terlewat 15 minit daripada masa yang telah dijadualkan akan dianggap sebagai memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pasukan/pemain lawan.

- 18.2. Menarik diri (walkover) tidak dibenarkan. Jika berlaku, mereka yang terlibat akan dianggap sebagai menarik diri daripada kejohanan seterusnya.
- 18.3. Keputusan-keputusan pertandingan yang terdahulu tidak akan diambil kira bagi pasukan/pemain yang menarik diri.

19. Bantahan / Rayuan:

- 19.1. Segala bantahan atau rayuan hendaklah dibuat selewat-lewatnya dalam masa 30 minit selepas tamatnya perlawanan yang berkenaan melalui Pengurus Pasukan/Ketua Pasukan (Acara Berpasukan) atau pemain yang berkenaan (Acara Individu) secara bertulis dan disertakan dengan bayaran wang tunai RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) sebagai wang cagaran.
- 19.2. Jika bantahan atau rayuan gagal diterima, wang cagaran tersebut tidak akan dikembalikan.

20. Pakaian:

- 20.1 Pemain-pemain tidak dibenarkan memakai pakaian yang berwarna putih.
- 20.2 Warna pakaian dua pasukan/dua peserta/dua pasangan beregu yang bertanding, mestilah berlainan. Pasukan/pemain dinasihatkan sentiasa bersedia dengan dua helai baju permainan yang berlainan warna (cool and warm colour) untuk bertanding. **Dokumen TTAM "TT Playing Clothing Colours Directive (TTAM)_01112008" adalah berkaitan.**
- 20.3 Semua pemain diwajibkan memakai baju permainan berlengan pendek dan seluar pendek.
- 20.4 Pemain beragama Islam boleh dikecualikan dari klausa 20.3.
- 20.5 Pemain beragama Islam yang memilih dikecualikan dari klausa 20.3, wajib memakai seluar permainan panjang (track-bottom), panjangnya sampai ke buku lali.
- 20.6 Pemain-pemain dalam satu pasukan/pasangan mesti berpakaian seragam.

21. Pengadil

- 21.1 Pencalonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Pencalonan Rasmi yang disediakan oleh TURC Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 21.2. Berpandu kepada 'TTAM Directive On Selection Of Umpires: Policy & Procedural Guidelines For All TTAM Endorsed Competition/Tournaments', setiap negeri yang mengambil bahagian adalah diwajibkan menghantar seorang pengadil yang berperingkat **SU, NUP, NU** atau **IU** sahaja untuk berkhidmat dalam kejohanan ini. Walau bagaimanapun, Negeri-negeri digalakkan untuk menghantar SU atau NU.
- 21.3. Pengadil yang dicalonkan hendaklah aktif dan telah berdaftar dengan TURC. Jika seorang SU dicalonkan, beliau mestilah berumur 16 tahun dan ke atas dan telah berdaftar dengan TURC serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 12 bulan sebagai pengadil berperingkat SU. Hanya pengadil-pengadil yang dinamakan oleh Persatuan Negeri dan dilantik oleh TURC sahaja yang akan diterima oleh pihak pengelola untuk berkhidmat di kejohanan ini,
- 21.4. Negeri-negeri yang gagal menghantar seorang pengadil yang bertaualiah akan dikenakan denda bayaran kepada Jawatankuasa Pengelola seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	: RM 200.00
Malaysia Timur	: RM 500.00
- 21.5. Persatuan Negeri boleh memohon untuk menghantar lebih daripada seorang Pengadil Kebangsaan / Pengadil Antarabangsa untuk berkhidmat dalam kejohanan ini jika diterima oleh pihak negeri pengelola.
- 21.6 Jawatankuasa Pengelola akan membayar elaun kepada Delegasi Teknikal, Refri dan Pengadil mengikut kadar seperti berikut: (pindaan 2012)

21.6.1 Delegasi Teknikal	: RM150.00 sehari
21.3.2 Refri (IR/NR)	: RM 120.00 sehari
21.3.3 Timbalan Refri (IR/NR/IU)	: RM 100.00 sehari
21.3.4. Timbalan Refri (NU)	: RM 90.00 sehari
21.3.5. Pengadil Peringkat Negeri (SU)	: RM 60.00 sehari
21.3.6. Pengadil Peringkat Kebangsaan (NU)	: RM 70.00 sehari
21.3.7. Pengadil Peringkat ITTF (IU)	: RM 80.00 sehari

- 21.7. Tarikh mesyuarat/taklimat pengadil kejohanan akan diadakan sehari sebelum tarikh pertandingan semua pengadil adalah diwajibkan hadir. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka yang tidak hadir.

22. Referi & Timbalan Referi

Berikut adalah syarat-syarat yang dinyatakan di dalam "Directive On Selection Of Referees (including Deputy Referees)" dan keputusan Mesyuarat Exco TTAM pada 25 Januari 2014.

- 22.1 Referi: IR atau NR yang dilantik oleh TURC; Masa ini aktif; Berdaftar dengan TURC.
- 22.2 Timbalan Referi: IR atau NR yang dilantik oleh TURC; masa ini aktif; berdaftar dengan TURC.
- 22.3 Sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh pertandingan, negeri penganjur hendaklah meminta TURC melantik pengadil dan timbalan-timbalan pengadil. Negeri pengajur boleh, jika ia mahu mencadangkan pencalonan kepada TURC.
- 22.4 Di mana referi/timbalan referi yang dilantik bukan dari negeri di mana pertandingan itu sedang dijalankan, pihak penganjur hendaklah:-
- 22.4.1 Menyediakan hospitaliti untuk pegawai itu
 - 22.4.2 Menempatkan referi di satu bilik (single room)
 - 22.4.3 Menempatkan timbalan referi di bilik berkembar perkongsian (2 x katil single)
 - 22.4.4 Membayar balik kepada pegawai kos perjalanan mereka
- 22.5 Hospitaliti untuk referi: dari makan malam dua hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.
- 22.6 Hospitaliti untuk timbalan referi: dari makan malam satu hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.
- 22.7 Sarapan pagi: jika tidak terdapat dalam jarak berjalan kaki dari penginapan, pihak penganjur mesti menyediakan.

23. Ujian Kawalan Raket (Racket Control):

Ujian Kawalan Raket akan dilaksanakan dengan mengikut peraturan dan prosidur seperti yang ditetapkan oleh ITTF dan TTAM.

24. Perkara Am:

Jika terdapat sebarang masalah atau kerumitan yang tidak diperuntukan dalam peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan ini, Jawatankuasa Teknikal Persatuan Ping Pong Malaysia akan memutuskannya dan keputusannya adalah muktamad.

JAWATANKUASA TEKNIKAL 2022

PERSATUAN PING PONG MALAYSIA